

Media Britain perlu bertanggungjawab

BH - 3 MAR 1994

Oleh Izman Ismail 

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu media Britain bertanggungjawab jika mereka didapati menjadi punca sebenar Malaysia terpaksa bertindak menghentikan kontrak kerajaan kepada negara itu.

Perdana Menteri berkata, beliau juga sedia dihukum jika tindakannya ditafsirkan sebagai bersalah oleh media Britain.

Beliau menjelaskan, tindakan balas Malaysia bukan ditujukan kepada pemimpin dan rakyat Britain, sebaliknya semata-mata mempertahankan maruah yang dipermainkan oleh media negara itu.

"Kita sedar kadangkala kita membuat kesilapan (mengikut tafsiran media Barat), tetapi ia bukanlah alasan untuk dipermain-mainkan oleh media mereka.

"Bagaimanapun, saya agak kecewa kerana Kerajaan Britain tidak menjelaskan kedudukan sebenar isu ini seperti pemberian geran kepada Kerajaan Malaysia dikatakan pinjaman. Ini tidak betul.

"Contoh lain yang tidak dibetulkan oleh Kerajaan Britain ialah tuduhan saya menerima rasuah daripada tender projek pembinaan kilang mencair aluminium yang sebenarnya tidak wujud. Saya juga yang menjadi mangsa," katanya kepada pemberita selepas majlis terbuka puasa anjuran Badan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di sini, malam ini.

Minggu lalu, Kabinet memutuskan untuk menghentikan kontrak kerajaan kepada Britain berikutan pelbagai fitnah yang dilemparkan media negara itu terhadap Perdana Menteri.

Berikutan itu, Kerajaan menghentikan semua projek yang masih diperingkat perbincangan dan yang belum ditandatangani sebagai tindak balas terhadap media negara itu. Ketika ditanya ulasan pertama Perdana Menteri Britain, John Major yang menyifatkan tindakan itu berpandangan singkat dan tidak adil, Perdana Menteri berkata: "Major berhak memberikan sebarang pendapat".

Bagaimanapun, beliau turut menyatakan keraguannya sama ada British Broadcasting Corporation (BBC) yang menyiarkan berita itu membuat laporan tepat atau sengaja mengada-adakan.

"Jika benar sekalipun, ia adalah satu lagi pandangan Britain. Kami tahu apa yang kami buat dan tetap berpegang teguh kepada keputusan kerajaan untuk tidak memberikan sebarang kontrak kepada syarikat Britain," katanya.

Ditanya pemberita asing berhubung dakwaan rasuah terhadap Perdana Menteri, beliau berkata tindakan undang-undang boleh diambil jika laporan itu didapati tidak tepat dan fitnah.

"Media Britain sepatutnya menyiar

LIHAT MUKA 4

PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG MENDAPAT PINJAMAN BRITISH

NAMA PROJEK	KOS PROJEK JUTA	KOS TEMPATAN JUTA	JUMLAH PINJAMAN BRITISH JUTA	JUMLAH PINJAMAN BALAN RM JUTA	JUMLAH GERAN JUTA	KADAR FAEDAH %
Empangan Pergau tarikh perjanjian - 12/7/91	RM 1,823.5	RM 519.11	£ 305.44	RM 1,353.5	Tiada	0.809
Empangan Sungai Ahling Tarikh perjanjian - 18/8/94	RM 55.8	RM 27.6	£ 6.99	RM 21.1	RM 7.1	10.7
Projek bekalan air luar bandar - Antah Biwater Tarikh perjanjian- 15/12/94	RM 1,619	RM 1,400	RM 392.05	RM 474.69	£ 59.46	6.51
Projek TNB - Connaught Bridge Tarikh perjanjian 29/8/90	RM 497.9	RM 80.4	£ 43.615	RM 187.5	£ 23.485	9.65
Projek KLIA - Sepang projek belum dilaksanakan	RM 10,400	RM 4,794	£ 120	RM 480	RM 120	Tiada

Media Barat perlu bertanggungjawab

DARI MUKA 1

kan berita yang tepat dan bukannya menuduh saya menerima rasuah RM135,000. Perkara itu tidak berlaku. Ini memburukkan maruah saya di Eropah dan pada masa yang sama saya tidak boleh menjelaskannya.

"Apa yang susah sangat hendak kata yang benar, kecuali jika etika akhbar tidak betul atau orang disebalik akhbar itu yang mengarahkan mereka berbuat demikian. Ini

yang saya kesal," katanya.

Mengulas sama ada Perdana Menteri mahu Major memohon maaf, beliau berkata: "Saya bukan mengharap dia meminta maaf kerana saya bukan bertelagah dengannya. Isu ini tidak ada kena-mengena dengan sesiapa, kecuali media Britain."

Dr Mahathir berkata, kebebasan akhbar bukanlah bererti menyiar-

kan berita palsu, sebagai contoh di Malaysia ada akhbar yang menghentam kerajaan, tetapi terikat dengan etika.

"Kita juga mempunyai akhbar yang menyokong kerajaan sama seperti di Britain, tetapi mereka juga dikawal oleh pemilik, pengarang malah pemberita sendiri. Di Britain, ia dikawal oleh Rupert Murdoch yang mempunyai kepentingan peribadi," katanya.